

12/11/1999

Pilihan raya tahun ini tidak sesengit 1990

Nordin Mohamad

DALAM kegawatan politik negara kebelakangan ini, ramai pihak termasuk media asing mengandaikan pilihan raya umum kali ini sengit, malah lebih hebat daripada pilihan raya 1990. Ia bermaksud, parti memerintah menghadapi cabaran dan ancaman teruk daripada parti pembangkang melalui pakatan barisan alternatif gabungan empat parti - Pas, DAP, Keadilan dan Parti Rakyat Malaysia (PRM).

Tepatkah andaian itu? Bagi Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pilihan raya umum ke-10 ini tidak sesengit pilihan raya umum 1990. Kata-kata Presiden Umno dan Pengerusi Basisan Nasional (BN) itu mempunyai bukti yang nyata.

Penilaian berbeza ini mungkin diasaskan kepada dua peristiwa. Bagi mereka yang mengandaikan pilihan raya kali ini sengit berbanding beberapa pilihan raya umum lalu, mungkin menilainya daripada sudut isu penyingkiran Datuk Seri Anwar Ibrahim dari Umno dan kerajaan. Dr Mahathir pula memandang dari perspektif pertarungan BN dengan Angkatan Perpaduan Ummah (APU), gabungan parti serpihan Umno iaitu Parti Melayu Semangat 46 (S46) pimpinan Tengku Razaleigh Hamzah dengan Pas dan gabungan S46 dengan DAP menerusi Gagasan Rakyat, berikutan Umno diistiharkan oleh Mahkamah Tinggi sebagai pertubuhan tidak sah pada 1987.

Kehebatan dan kesengitan pilihan raya umum 1990 menyebabkan kerajaan BN tumbang di Kelantan. APU menyapu bersih 39 kerusi Dewan Undangan Negeri Kelantan iaitu 25 kerusi milik Pas, S46 (13) dan satu kerusi Berjasa manakala 13 kawasan Parlimen yang dipertandingkan - enam menjadi milik Pas dan tujuh S46. Kejayaan pembangkang itu membawa kepada pembentukan kerajaan negeri pimpinan Pas. Walaupun APU gagal menyingkir BN keseluruhannya untuk memerintah negara seperti yang diramalkan sebahagian besar rakyat, namun cabaran dan persaingan ketika itu menggoyahkan lagi kebimbangan parti pemerintah. Apa tidaknya, Parti Bersatu Sabah (PBS) ketika itu adalah komponen BN, tiba-tiba bertindak menikam dari belakang dan keluar menjadi pembangkang yang bersekongkol dengan APU kerana yakin pembangkang akan dapat membentuk kerajaan baru di Malaysia.

Ini membuatkan pilihan raya umum 1990 lebih kritikal kerana sebahagian besar ahli Umno yang menjadi penyokong Tengku Razaleigh keluar parti dan menyertai S46 yang menjadi tonggak kemenangan APU di Kelantan. Bagaimanapun, pemimpin APU silap perhitungan apabila hasrat mereka untuk membentuk kerajaan baru selepas pilihan raya umum 1990 bukan saja gagal, malah membawa kehancuran kepada gagasan gabungan mereka. Ia cuma menampilkan kekuatan di Kelantan tetapi di negeri lain masih tidak dapat menandingi kekuatan dan kejaguan Umno dan BN.

Dalam kes pemecatan Anwar, walaupun ia menjadi isu nasional tetapi lebih menjurus kepada permasalahan individu. Ia tidak sesengit kesan perpecahan Umno pada 1987 yang bukan saja menjadi isu nasional yang hangat malah menjadi perhatian dunia. Dalam konteks ini, mungkin tidak keterlaluan dikatakan isu Anwar ibarat 'langit dengan bumi' - dalam menggugat kemenangan BN dalam pilihan raya umum kali ini. Ia seperti "gendang" bunyi saja kuat tetapi di dalamnya kosong. Faktor isu Anwar menampakkannya ia boleh menggugat BN pada pilihan raya umum kali ini semata-mata kerana parti pembangkang mengambil kesempatan cuba tumpang bergayut untuk memancing sokongan rakyat khasnya pengundi, sedangkan parti Keadilan sendiri tidak mempunyai tokoh yang berwibawa dan daya kepemimpinannya yang boleh diberi kepercayaan sebagai pemimpin apatah lagi untuk memimpin negara. Pengikut

yang menyertai Anwar tidak seperti senario pengikut anak raja Kelantan itu. Lagipun, kehangatan isu Anwar kerana digembar gemburkan pemimpin pembangkang yang sebelum ini musuh ketatnya, kini bersekongkol dengan golongan yang memang membenci kerajaan.

Ada rasionalnya kenyataan Dr Mahathir bahawa pilihan raya umum kali ini tidak sesengit pilihan raya 1990 dan relevan juga apabila beliau yakin BN akan mencapai kemenangan besar. Ini turut diakui Setiausaha Agung DAP, Lim Kit Siang apabila tokoh itu menyatakan keyakinannya bahawa BN masih boleh membentuk kerajaan pada pilihan raya umum kali ini.

Memang menjadi idaman parti pembangkang untuk merampas kuasa, malangnya awal-awal lagi jaguh pembangkang memberi kredit kepada BN. Secara tidak langsung mengakui mereka tidak yakin kepada kekuatan pakatan pembangkang.

Mungkin sebahagian besar rakyat masih samar-samar mengenai dasar dan natijah pembangkang untuk memerintah negara ini. Sejauh mana mereka dapat bersikap adil sedangkan dalam manifesto bersama pun matlamat mereka tidak sehaluan. Merenung kembali kenyataan Dr Mahathir kepada wartawan di Putrajaya Rabu lalu: "Saya tidak mengadakan pilihan raya untuk menguji populariti. Kita mengadakan pilihan raya untuk membolehkan rakyat mempunyai kerajaan yang baik", sudah cukup bagi rakyat yang berfikiran rasional dan matang untuk membuat penilaian dalam menentukan nasib masa depan bangsa, negara dan agama," rasa pasti akan membuat pemilihan yang tepat.

(END)